

14 SEP 2000

Mara-Pinjaman/I

MARA TIDAL LAGI HADAPI MASALAH PEMINJAM GAGAL BAYAR HUTANG

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (Mara) kini tidak lagi berhadapan dengan masalah mengutip hutang daripada pelajar dan usahawan malah bilangan mereka yang mengelak pembayaran semakin berkurangan.

Pengerusi Mara Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata situasi majlis itu dalam menangani peminjam yang gagal membayar hutang tidak mencemaskan kerana ramai di kalangan mereka yang mula membayar atau mengatur pembayaran ansuran bagi pinjaman masing-masing.

"Mereka kini lebih bertanggungjawab berbanding sikap sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran setem peringatan Lembaga Kemajuan Luar Bandar dan Industri (RIDA)-MARA sempena jubli emas Mara.

Setem itu dilancarkan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Mara memberi pelbagai pinjaman kepada Bumiputra tetapi tumpuan utama pembiayaan adalah untuk menjalankan perniagaan dan pendidikan.

Abu Seman berkata peratusan mereka yang gagal membayar pinjaman adalah rendah dan semakin mengecil setiap tahun.

"Selagi nama mereka tidak disiarkan dalam akhbar, semuanya baik," katanya ketika mengulas langkah Mara sebelum ini yang menyiarkan nama mereka yang gagal membayar pinjaman dalam akhbar-akhbar harian.

Ditanya sama ada Mara memberi pinjaman kepada mereka yang menentang kerajaan, beliau berkata pihak pengurusan tidak berhadapan dengan kes seumpama itu.

"Malah semasa kami berada di Amerika Syarikat baru-baru ini, penuntut Mara berikrar untuk memberi sokongan penuh kepada kerajaan dan saya tahu bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan penuntut kami," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT